

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A. 2016/09/86 (HQ)**

### **MAKLUMKAN TNB JIKA PREMIS DINAIKI AIR SEMASA BANJIR KILAT**

Orang ramai diminta untuk segera menghubungi Tenaga Nasional Berhad (TNB) jika premis mereka dinaiki air semasa banjir kilat akibat fenomena air pasang bagi membolehkan syarikat utiliti nasional tersebut menghentikan bekalan demi keselamatan.

“Sila hubungi pejabat TNB yang berdekatan, TNB CareLine 15454 atau Facebook TNB Careline sebaik paras air meningkat supaya kami boleh memutuskan bekalan elektrik bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini,” kata Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Katanya TNB sentiasa mengawasi keadaan dari semasa ke semasa dan akan menutup bekalan ke pencawang di kawasan terlibat sekiranya paras air mencecah tahap bahaya.

“Penutupan bekalan elektrik ke kawasan terlibat dibuat untuk sementara waktu demi memastikan keselamatan orang awam terjamin.

Bekalan elektrik akan disambung semula etelah air banjir surut dan keadaan kembali selamat,” katanya.

“Pengguna yang premis mereka dinaiki air juga perlu menghindari penggunaan sebarang peralatan elektrik dan pastikan suis utama ditutup bagi mengurangkan kemungkinan renjatan elektrik berlaku.”

Ir. Mohd Aminuddin turut menasihatkan ibu bapa untuk sentiasa mengawasi tindak-tanduk anak-anak mereka agar tidak menghampiri tiang elektrik yang tumbang atau wayar elektrik yang terputus semasa banjir kerana arus elektrik mungkin masih mengalir.

“Maklumkan kepada kami supaya kami boleh segera membaiki kerosakan tersebut,” katanya sambil mengingatkan orang ramai untuk menjauhi kawasan di mana paras air naik dan mencecah talian TNB.

Beliau juga berkata setelah banjir surut, pengguna perlu memastikan suis elektrik dan perkakas elektrik yang terendam dalam air banjir diperiksa dan diuji terlebih dahulu oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga sebelum menggunakannya semula.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 September 2016**

*Untuk Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*